

B 8531 BAH
MAHATHIR-KAYU

SIBU, 4 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYELAR SIKAP SESETENGAH PIHAK DI NEGARA MAJU YANG MENJALANKAN KEGIATAN UNTUK MEMBOIKOT BALAK TROPIKAL DARI MALAYSIA, DENGAN MENDAKWA KONONNYA PENEBAANGAN KAYU-KAYAN DI NEGARA INI TELAH MENJEJASKAN IKLIM DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN INI TELAH MENASIHATI MALAYSIA SUPAYA MENJAGA DAN MEMELIHARA HUTAN NEGARA INI AGAR IKLIM DUNIA AKAN BERADA DALAM LEBIH BAIK.

LANGKAH MALAYSIA MENGEKSPORT BALAK BUKAN BERMAKNA IA TIDAK PEKA DENGAN KEADAAN IKLIM DUNIA, KATA BELIAU SAMBIL MENEGASAKAN BAHAWA NEGARA SENTIASA BERTANGGUNGJAWAB DALAM MEMELIHARA HUTANNYA.

+MALAYSIA NEGARA MISKIN DAN SEDANG MEMBANGUN DAN ADALAH PENTING UNTUK MENDAPATKAN SEDIKIT HASIL DARIPADA SUMBER KEKAYAAN HUTAN KITA,+ KATA BELIAU KETIKA MERASMIKAN KILANG PAPAN LAPIS DI ENSURAI DEKAT SINI HARI INI.

+SEPATUTNYA NEGARA YANG HENDAK MENJAGA IKLIM DUNIA MEMBERI HARGA YANG BAIK KEPADA BALAK KITA SUPAYA DENGAN ITU HANYA SEDIKIT SAHAJA JUMLAH BALAK YANG AKAN DIEKSPORT UNTUK MENDAPAT HASIL TUKARAN ASING YANG MENCUKUPI,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI
1453MST 04 07 88

B 8532 BAH
MAHATHIR - KAYU 2 SIBU

BELIAU BERKATA ADALAH TIDAK LOGIK DAN TIDAK WARAS MEMIKIRKAN NEGARA YANG MISKIN SEPERTI MALAYSIA PERLU MEMBANTU NEGARA YANG KAYA UNTUK MENJAGA IKLIM BAGI DIRI MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK PERLU MEMBANTU NEGARA MAJU MENJAGA IKLIM NEGARA MEREKA KERANA PROSES PEMBALAKAN DI NEGARA INI TIDAK DIBUAT SECARA MEMBUTA-TULI.

+SEBAB ITU KITA TIDAK GALAKKAN PERTANIAN +TEBANG DAN BAKAR+ KERANA CARA INI DAPAT MEROSAKKAN HUTAN KITA,+ KATANYA.

TETAPI MALANGNYA, KATA BELIAU, MEREKA SENDIRI YANG TIDAK SEDAR DAN TIDAK TAHU ATAU SENGAJA TIDAK MAHU TAHU MENGENAI PERKARA ITU, DAN SEBALIKNYA MENJADIKAN PEMBALAKAN SEBAGAI ISU UNTUK MEMBURUKKAN MALAYSIA.

PERDANA MENTERI MENYERU RAKYAT BERWASPADA TERHADAP KEMPEN GOLONGAN BERKENAAN KERANA IA AKAN MEMBURUKKAN EKONOMI NEGARA. --LAGI
1458MST 04 07 88

B 8533 BAH
MAHATHIR - KAYU 3 SIBU

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU SYARIKAT-SYARIKAT PEMBALAKAN MEMBERI PENEKANAN TERHADAP PEMROSESAN KAYU-KAYAN YANG AKAN MEMBERIKAN TAMBAHAN NILAI UNTUK MEMINGKATKAN PENDAPATAN DARIPADA TUKARAN ASING NEGARA INI.

BELIAU BERKATA MALAYSIA SEBAGAI SALAH SEBUAH NEGARA PENGEKSPORT BALAK TERBESAR DI DUNIA HARUS MEMULAKAN INDUSTRI BERASASKAN KAYU UNTUK DIEKSPORT DENGAN MENGHASILKAN BAHAN BERMUTU TINGGI YANG MEMPUNYAI NILAI GUBAHAN MALAYSIA YANG TERSENDIRI.--BERNAMA
1459MST 04 07 88